

Sidang Majlis Tertinggi UMNO

Kedudukan MB Pahang tak dibincang

KUALALUMPUR, Sabtu — Mesyuarat Majlis Tertinggi (MT) UMNO di sini hari ini tidak membincangkan kedudukan Haji Abdul Rahim Abu Bakar sebagai Menteri Besar Pahang khususnya apabila beliau pulang dari mengerjakan ibadat Haji tidak lama lagi.

Perkara ini dinyatakan oleh Perdana Menteri merangkap Presiden UMNO, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad selepas beliau memengerusikan mesyuarat selama tiga jam itu di Bangunan Ibu pejabat UMNO.

Sebelum berlepas ke tanah suci baru-baru ini, Haji Abdul

Rahim dilaporkan sebagai berkata beliau pasti menjadi Menteri Besar sekembalinya dari Mekah "walaupun untuk sehari sahaja".

Beliau juga pernah berkata ia akan patuh dengan sebarang keputusan pucuk pimpinan UMNO mengenai kedudukannya sebagai Menteri Besar.

Haji Abdul Rahim dikatakan memilih untuk pergi ke tanah suci sebagai langkah pertamanya ke arah menyelesaikan krisis politik Pahang berikutan perantikkannya sebagai Menteri Besar selepas pilihanraya umum lalu.

Bagaimanapun, beliau

menolak tawaran menjadi salah seorang anggota perwakilan negara di Bangsa-bangsa Bersatu kerana 'kesuntukan masa'.

"Mesyuarat hari ini antara lain membincangkan pengawasan terhadap kegiatan berbagai cawangan UMNO di bidang kebajikan dan sosial serta mengesahkan perantikan ahli-ahli berbagai biro yang ditubuhkan oleh UMNO.

"Mesyuarat ini tidak ada membincangkan perkara mengenai kedudukan Haji Abdul Rahim Abu Bakar sebagai Menteri Besar Pahang," jelas Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad.